

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Wednesday, February 8, 2017 10:43 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Hanizaton Bt Hassan
Subject: PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM) MENERIMA PENDAFTARAN 71 PELAJAR SARJANA MUDA



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



08 Februari 2017 | 11 Jamadilawwal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM) MENERIMA PENDAFTARAN 71 PELAJAR SARJANA MUDA



SBM ONLINE: Bersempena dengan Minggu Suaikenal Pelajar Baharu Semester Kedua Sesi 2016/2017 (A162) sepanjang 6 hingga 8 Februari 2017, telah berlangsungnya Program Bersama Pusat Pengajian pada 7 Februari 2017 bertempat di DKG 2/1. Bagi sesi kemasukan kali ini, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) menerima kemasukan 71 pelajar Sarjana Muda terdiri daripada 68 pelajar tempatan dan tig (3) orang pelajar antarabangsa melalui pilihan empat (4) program pengajian iaitu Pentadbiran Perniagaan (38 pelajar), Pengurusan Sumber Manusia (10 pelajar), Pemasaran (15 pelajar) dan Keusahawanan (8 pelajar).

Program Bersama Pusat Pengajian ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai operasi pusat pengajian dan kursus-kursus yang perlu diambil bagi melengkapkan keperluan program pengajian mereka. Taklimat berkenaan Pusat Pengajian telah disempurnakan oleh YBrs. Dekan, Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah. Beliau turut mengalu-alukan kedatangan para pelajar baharu ke UUM amnya dan SBM khususnya.

“Adalah menjadi iltizam dan usaha pihak SBM untuk menjayakan visi dan misi universiti dengan menekankan kepada kreativiti dan inovasi dalam semua aspek pengurusan agar dapat memberi impak yang besar terhadap pembangunan holistik pelajar serta menghasilkan graduan yang cemerlang”, ujar Ybrs. Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah dalam ucapan beliau.

Dekan turut memberi penekanan agar pelajar mempunyai *best attitude* dan kemahiran komunikasi yang baik, khususnya dalam Bahasa Inggeris. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Dekan memaklumkan bahawa SBM akan mengadakan pelbagai program untuk membantu para pelajar, antaranya program mentor-mentee dan *English Proficiency Enhancement Programme*.

Beliau juga menegaskan dengan adanya akreditasi AACSB, pelajar wajar menggunakan kelebihan tersebut untuk memasarkan diri dalam industri besar dan berpengaruh setelah menamatkan Pengajian kelak.

Dalam majlis tersebut, Dekan memperkenalkan semua penjawat SBM dan warga akademik yang terdiri daripada kalangan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah serta staf-staf pentadbiran SBM yang hadir.

Salah seorang pelajar baharu Loshene A/P Selvam daripada program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, menyatakan beliau amat bermotivasi untuk memulakan pengajian setelah mendengar amanat Dekan.

Program diteruskan dengan Dialog Bersama Alumni yang mana Chung Muh Sha telah dipilih untuk mengisi slot tersebut. Beliau kini berkhidmat dengan Oscar Wealth Advisory selaku Perancang Kewangan. Slot ini menjadi platform untuk perkongsian pengalaman antara alumni dengan pelajar dalam pelbagai aspek terutamanya pengurusan masa dan kewangan, pembentukan sahsiah diri dan watak serta bidang kerjaya. Pengalaman yang dikongsiikan diharap dapat digunakan sebagai panduan dan dijadikan inspirasi oleh para pelajar.

Besar harapan pihak SBM agar sesi dialog ini dapat membantu memperkukuhkan lagi keyakinan, menyalurkan semangat dan menyemai budaya *esprit de corps* seperti mana yang diingini pihak universiti.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua kakitangan SBM yang telah bertungkus lumus menjayakan urusan aktiviti sepanjang Minggu Suaikenal kali ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua pelajar baharu yang berjaya dan terpilih untuk menjejakkan kaki ke Universiti Utara Malaysia.

Sekian.



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

we drive for Creativity and Sustainability

**School of Business Management (SBM)
UUM COB
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman**

+604-928 7401
+604-928 7422
sbm@uum.edu.my
<http://sbm.uum.edu.my/>
<https://www.facebook.com/sbm.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions,

conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.